

NO SOALAN :64**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR
(TUMPAT)****PERTANYAAN : LISAN****TARIKH : 13.03.2018**

Y.B. DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR [TUMPAT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan persiapan Kerajaan dalam menghadapi fenomena mata wang kripto seperti Bitcoin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mata wang digital tidak diiktiraf sebagai mata wang sah diperlakukan di Malaysia atau mana-mana negara lain, dan pihak Bank Negara Malaysia (BNM) tidak merancang untuk mengiktiraf Bitcoin atau mana-mana mata wang digital. BNM juga pada masa ini tidak mempunyai rancangan untuk mengeluarkan mata wang digitalnya sendiri.

Orang ramai yang menggunakan dan berdagang menggunakan mata wang digital akan menggunakannya atas risiko sendiri dan perlindungan konsumer tidak dijamin di bawah mana-mana undang-undang. Mata wang digital juga terdedah kepada risiko ketidaktentuan nilai akibat aktiviti spekulasi dan penyalahgunaan untuk tujuan pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan jenayah siber. BNM telah menganggarkan bahawa purata transaksi bulanan yang berkaitan dengan mata wang digital di Malaysia pada tahun 2017 berjumlah RM75 juta.

Berkuatkuasa 2 Jan 2018, mana-mana orang perseorangan atau syarikat yang terlibat dalam aktiviti pertukaran *cryptocurrency* adalah diklasifikasikan sebagai institusi pelapor di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA). Kewajipan pelaporan ini bertujuan untuk memastikan langkah-langkah berkesan dilaksanakan terhadap risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan dalam penggunaan mata wang digital, serta meningkatkan ketelusan aktiviti mata wang digital di Malaysia. Antara lain, langkah-langkah AML/CFT (*Anti-Money Laundering and Countering The Financing of Terrorism*) yang perlu diambil oleh penukar mata wang digital termasuklah pelaksanaan usaha wajar pelanggan (*Consumer Due*

Diligence) dan mengenal pasti profil risiko ML/TF (*money laundering and terrorism financing*) mereka, memastikan legitimasi sumber dana yang diperoleh serta mewujudkan kawalan dalaman yang cekap bagi mengesan dan melaporkan transaksi yang mencurigakan. Institusi pelapor tersebut juga akan tertakluk kepada dokumen dasar yang telah dikeluarkan BNM pada akhir bulan Februari 2018. Kesemua pihak yang terlibat dalam aktiviti pertukaran *cryptocurrency* samada individu atau syarikat perlu mematuhi dokumen dasar tersebut.

Selain daripada keperluan pelaporan di bawah AMLA, penukar mata wang digital tidak dikawal selia oleh BNM pada masa kini. Walau bagaimanapun, sebarang transaksi mata wang digital yang melibatkan aktiviti yang dikawal selia di bawah undang-undang yang ditadbir oleh BNM atau Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) seperti pengambilan deposit atau aktiviti pasaran modal tanpa kebenaran yang sewajarnya merupakan kesalahan di bawah undang-undang.

BNM juga telah mengeluarkan pek maklumat mengenai mata wang digital kepada institusi-institusi pelapor sebagai panduan dan rujukan. Di samping itu, perkongsian maklumat dengan agensi penguatkuasa yang lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) juga dilaksanakan bagi menangani jenayah komersial membabitkan mata wang digital.

Orang ramai diingatkan agar berhati-hati terhadap risiko penggunaan mana-mana mata wang digital, menjalankan usaha wajar yang perlu dan memastikan mereka memahami risiko penggunaan atau pelaburan dalam mata wang digital. Dari masa ke semasa, BNM akan menerbitkan maklumat yang relevan mengenai institusi pelapor supaya keputusan yang berhemat boleh dibuat oleh orang awam.